

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE CONCEPT OF HISBAH IN HALAL ENFORCEMENT
COMPLIANCE IN MALAYSIA]**

**KONSEP HISBAH DALAM PENGUATKUASAAN PEMATUHAN
HALAL DI MALAYSIA**

MUHAMMAD SYUKRI MOHD ASHMIN WONG¹
ANIS HUSNA ABDUL HALIM¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Shah Alam, Selangor, MALAYSIA.
e-mail: syukri@uitm.edu.my

*Corresponding Author: syukri@uitm.edu.my

Received Date: 15 November 2021 • Accepted Date: 1 December 2021

Abstract

The halal market industry has enormous potential and is expected to expand the market not only domestically but also internationally. This is supported by the total Muslim population nationwide which is estimated at 1.9 billion with purchasing power reaching \$ 2.02 trillion in 2019. The halal market is gaining traction in the eyes of the world, but there are problems with halal issues such as fraud, misuse of the logo, as well as other offenses from a Shariah and technical point of view related to halal. Halal enforcement helps to eradicate halal issues that occur in this market is said to be complicated against the mechanisms implemented by halal enforcement. This causes consumers to lack knowledge and understanding of the halal enforcement mechanism carried out in Malaysia. Therefore, the objective of this research is to identify the enforcement of halal compliance by halal authorities. This research uses a qualitative approach, collecting data through structured interviews by interviewing halal authority bodies. The results of the research can analyze the mechanisms carried out by the halal authorities in the monitoring and enforcement of the halal industry to ensure compliance with halal laws and standards. It is hoped that this study can clarify consumers' understanding of enforcement mechanisms in the halal industry.

Keywords: Halal Enforcement, Halal laws, Halal Monitoring

Abstrak

Industri pasaran halal mempunyai potensi yang sangat besar dan dijangka akan memperluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat domestik malahan di peringkat antarabangsa. Ini disokong oleh jumlah populasi Muslim di seluruh negara yang dianggarkan berjumlah 1.9 bilion dengan kuasa beli mencecah \$ 2.02 trilion pada tahun 2019. Pasaran halal mendapat tarikan di mata dunia, akan tetapi terdapat permasalahan yang berlaku terhadap isu-isu halal seperti penipuan kekeliruan sumber baran, penyalahgunaan logo, serta kesalahan lain dari sudut Syariah dan teknikal yang

berkaitan dengan halal. Penguatkuasaan halal membantu untuk membasmi isu halal yang berlaku di pasaran ini dikatakan adalah rumit terhadap mekanisme yang dilaksanakan oleh pihak penguatkuasa halal. Perkara ini menyebabkan pengguna kurang pengetahuan dan pemahaman terhadap mekanisme penguatkuasaan halal yang dijalankan di Malaysia. Oleh itu, objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti penguatkuasaan pematuhan halal oleh pihak berkuasa halal. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif, mengumpulkan data melalui temubual berstruktur dengan menemubual badan autoriti halal. Hasil penyelidikan dapat menganalisis mekanisme yang dijalankan oleh pihak berkuasa halal dalam pemantauan dan penguatkuasaan industri halal untuk memastikan kepatuhan terhadap undang-undang dan standard halal. Diharapkan kajian ini dapat menjelaskan pemahaman pengguna terhadap mekanisme penguatkuasaan dalam industri halal.

Keywords: Penguatkuasaan halal, undang-undang halal, pemantauan halal

Cite as: Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong & Anis Husna Abdul Halim. 2021. [The concept of hisbah in halal enforcement compliance in Malaysia] Konsep hisbah dalam penguatkuasaan pematuhan halal di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 129-140.

PENGENALAN

Industri Pasaran Halal mempunyai potensi yang sangat besar dan dijangka akan memperluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat domestik malahan di peringkat antarabangsa. Ini disokong oleh jumlah populasi Muslim di seluruh negara yang dianggarkan berjumlah 1.9 bilion dengan kuasa beli mencecah \$ 2.02 trilion pada tahun 2018 (*State of the Global Islamic Economy Report 2019/2020*). Potensi besar terhadap pasaran halal ini menjanjikan pulangan yang baik sehingga menyebabkan negara Islam dan bukan Islam merebut peluang ini untuk menawarkan produk dan perkhidmatan halal bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. Untuk memperkasa industri Halal, Halal Development Corporation (HDC) telah membangunkan sektor baru dalam halal: fesyen, peranti perubatan, pelancongan perubatan seperti yang dilaporkan dalam Laporan Pelan Induk Industri Halal (HIMP) 2030. Pasaran baru ini diwujudkan untuk memenuhi keperluan semasa, memastikan perkhidmatan integriti untuk mendapatkan keyakinan dan kepercayaan halal di peringkat global terhadap akreditasi Malaysia untuk industri Halal. Dengan ini, dapat meningkatkan kebolehkesan produk halal yang penting untuk keseluruhan prestasi halal.

Institusi hisbah dalam penguatkuasaan halal sentiasa bekerja keras untuk membangun dan memastikan halal menjadi pasaran dunia dengan melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan terhadap industri ini. Pelbagai institusi hisbah yang terlibat dengan memainkan peranan dalam halal termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) / Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), dan Kementerian Kesihatan (KKM). Agensi tersebut adalah badan penguatkuasa yang bertanggungjawab dalam membasmi isu-isu yang timbul dalam industri Halal. Pihak berkuasa bertanggungjawab dalam memastikan pemain industri memenuhi Standard halal, mematuhi peraturan dan memenuhi kriteria halal. Isu-isu halal yang terjadi di pasaran halal ini menimbulkan keimbangan oleh pelbagai pihak kerana

terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab dalam penipuan, kekeliruan barang, penyalahgunaan logo, serta kesalahan lain yang berkaitan dengan halal (Dayang Haryani et al., 2017). Pelaksanaan penguatkuasaan yang kompleks untuk membasmi industri halal ini menyebabkan pengguna kurang pengetahuan dan pemahaman terhadap mekanisme penguatkuasaan halal yang dijalankan di Malaysia sehingga menyebabkan pengguna sering menyalahkan badan berkuasa halal (Ab Hamid et al, 2017). Pengguna harus peka dengan peranan dan tanggungjawab pihak berkuasa halal dalam mengawal dan memantau isu halal. Perkara ini secara tidak langsung membolehkan pengguna peka dengan perkara yang berlaku dalam industri halal dan turut mengambil berat untuk memastikan kepatuhan halal.

Dengan itu, penguatkuasaan halal adalah penting dan mustahak untuk memastikan produk halal yang dihasilkan adalah semestinya halal dan dijamin selamat untuk pengguna. Maka, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti penguatkuasaan pematuhan halal oleh pihak berkuasa halal. Tujuan objektif ini adalah untuk melihat pelaksanaan dan amalan oleh pihak berkuasa melalui penguatkuasaan produk dan perkhidmatan halal yang dipasarkan di Malaysia. Perkara ini penting untuk melihat daripada aspek mekanisme penguatkuasa yang dijalankan oleh pihak penguatkuasa. Diharapkan kajian ini dapat meningkatkan pemahaman pengguna terhadap mekanisme penguatkuasaan halal.

HISBAH SEBAGAI INSTITUSI PENGUATKUASAAN

Dasarnya, istilah hisbah berasal daripada lafaz حسب (*hasaba*) yang membawa erti mengira, menghitung dan menimbang (Muhammad Idris, 2008). Hisbah merupakan institusi yang meningkatkan peradaban Islam dengan menjaga keharmonian masyarakat dan mengawal kegiatan ekonomi (Ibrahim, 2019). Ia merupakan satu mekanisme dalam meningkatkan peradaban Islam dengan memastikan pengguna sangat berakhlek dengan menerapkan komponen strategik dalam pentadbiran untuk menjaga keharmonian pengguna (Ibrahim, 2019). Dari segi sejarah, amalan hisbah telah dilaksanakan sejak zaman nabi Muhammad untuk membentuk tingkah laku masyarakat yang baik mengikut perintah Allah dengan meninggalkan larangan Allah (Sophian et al., 2018). Pelaksanaan Hisbah meliputi pelbagai aspek dalam kehidupan masyarakat di mana ia tidak hanya tertumpu kepada aspek tertentu sahaja, malahan ianya dalah bersifat menyeluruh. Pelaksanaan hisbah adalah meliputi aspek kepentingan masyarakat, agama, sosial, ekonomi dan politik.

Terperincinya, hisbah ini dijalankan melalui penguatkuasaan dan pemantauan yang dengan menggunakan cara amar makruf nahi mungkar (Abdul Qahhar, 2016). Hisbah ini terdapat beberapa prinsip mengikut pelaksanaannya iaitu prinsip pengawasan, prinsip keadilan dan prinsip tanggungjawab (Azrin Ibrahim, 2018). Prinsip ini direalisasikan oleh institusi yang telah dilantik oleh kerajaan dengan menjalankan tanggungjawab sebagai muhtasib. Perkara ini sangat dituntut seperti mana yang telah dinyatakan dalam Al-Quran surah Al-Imran ayat 104: “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar; mereka lah orang-orang yang beruntung”. Berdasarkan petikan Quran di atas, pihak berkuasa mempunyai peranan untuk mengawal dan memantau segala aktiviti dan mencegah perkara yang membawa ancaman kepada masyarakat Islam. Allah menekankan untuk melantik sekumpulan daripada golongan umat Islam dengan menjalankan tugas hisbah bagi memastikan negara dalam keadaan yang

aman dan sejahtera dengan menegakkan perkara yang betul dan melarang perkara yang membawa kepada kemudarat. Institusi Hisbah mengidealkan konsep mengajak ke arah kebaikan dan melarang kepada keburukan dengan melantik jawatankuasa untuk mengawal aktiviti sosial, ekonomi dan politik bagi memastikan segala aktiviti yang dijalankan adalah mengikut pematuhan syariah (*al-Mu'jam al-Wasiṭ*, 1972). Kewibawaan *muhtasib* mempunyai peranan dan praktik yang perlu dilaksanakan untuk menangani isu-isu yang timbul terhadap Islam yang boleh membawa ancaman kepada masyarakat Islam (Sophian Rambli et al., 2018).

Oleh itu, dalam perkara halal, *muhtasib* bertanggungjawab dalam menguatkuasakan peraturan, memantau kegiatan halal, mencegah masalah halal untuk memastikan pemain industri halal mengikuti peraturan, undang-undang, garis panduan, Piawaian Malaysia yang ditetapkan oleh pihak berkuasa halal. Antara pihak yang penting dan bertanggungjawab untuk menjalankan tugas sebagai *muhtasib* ini bagi memastikan pematuhan dalam industri halal di Malaysia adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) / Majlis Agama Islam (MAIN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), dan Kementerian Kesihatan (KKM). Oleh itu, pihak berkuasa halal yang bertanggungjawab dalam menegakkan hisbah dengan melaksanakan penguatkuasaan yang berkesan kepada pelaku industri. Pihak berkuasa halal bertanggungjawab untuk menangani penipuan dan pemalsuan dalam industri halal untuk memastikan pematuhan halal.

PENGUATKUASAAN HALAL DI MALAYSIA

Penguatkuasa halal di Malaysia memikul tanggungjawab yang besar bagi memastikan pematuhan halal yang berkaitan dengan keselamatan, menegakkan undang-undang, mencegah isu halal. Setiap penguatkuasa halal mempunyai bidang kuasa dan undang-undang tersendiri dalam menggunakan kuasa mereka untuk menegakkan undang-undang yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan halal. Peranan pihak penguatkuasa seperti JAKIM, JAIN / MAIN, KPDNHEP, KKM dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diteliti.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

JAKIM adalah pihak berkuasa yang berwibawa di Malaysia yang ditetapkan sebagai entiti utama yang bertanggungjawab dalam garis panduan dan peraturan yang berkaitan dengan persijilan halal. Fungsinya untuk mentadbir halal, mengeluarkan sijil halal, memantau dan menguatkuasakan peraturan halal di Malaysia (JAKIM, 2016). JAKIM mempunyai kuasa dalam melaksanakan penguatkuasaan hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang sesuai dengan tindakan dan bidang kuasa mereka yang relevan bersama dengan pihak penguatkuasa yang lain. JAKIM mempunyai bidang kuasa dengan membenarkan untuk memberi sabitan kepada pesalah yang dipercayai tidak mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan pihak berkuasa kepada pemain industri halal (Mohd & Ahmad, 2017). Penguatkuasa JAKIM telah dilantik sebagai penolong pengawal perihalan Perdagangan dan diberi kad kuasa untuk memberi amaran, menggantung dan mencabut lesen perniagaan kepada pesalah yang melanggar undang-undang yang berkaitan dengan halal (Nor 'Adha et al, 2018).

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JAIN) / Majlis Agama Islam (MAIN)

Selain JAKIM, JAIN / MAIN juga merupakan autoriti yang bertanggungjawab dalam persijilan halal. Kedua-dua pihak berkuasa bertanggungjawab untuk mengeluarkan sijil halal tetapi hanya untuk domestik. Mereka memainkan peranan penting untuk menjalankan penguatkuasaan halal mengikut negeri dengan kerjasama dengan pihak berkuasa lain untuk kuasa masing-masing di bawah bidang kuasa sendiri (Norazla Abdul Wahab, et al., 2015). Penguatkuasaan oleh JAIN / MAIN pemeriksaan menyeluruh untuk mengesahkan pematuhan halal pemegang sijil halal. Autoriti ini mempunyai bidang kuasa untuk melaksanakan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri 1997 (Nor 'Adha, 2018).

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

KPNDHEP adalah autoriti yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang untuk melindungi pengguna. Pihak berkuasa berfungsi untuk merumuskan dasar dan strategi untuk pengembangan perdagangan domestik dan kepenggunaan (KPNDHEP, 2020). Selain itu, pihak ini juga bertanggungjawab untuk memantau dalam penyampaian halal dan penggunaan logo halal. Undang-undang berkaitan halal utama bagi bidang kuasa KPDNHEP adalah Akta Perihal Perdagangan 2011 (Muhammad Hafiz, et al., 2016). Akta Perihal Perdagangan 2011 ini diletakkan di bawah KPDNHEP, dan bergantung pada JAKIM dan JAIN / MAIN kerana mereka merupakan autoriti yang mempunyai kepakaran yang mendalam terhadap halal. Dengan akta ini, pihak penguatkuasa dalam menjalankan penguatkuasaan kepada industri yang menjalankan aktiviti dengan tujuan untuk penipuan dan pemalsuan logo halal atau penyampaian halal sehingga boleh mengelirukan pengguna.

Kementerian Kesihatan (KKM)

Kementerian Kesihatan adalah memainkan peranan dalam memantau aktiviti kebersihan dan keselamatan makanan untuk menjamin kualiti makanan adalah terjaga dengan memastikan industri mengamal kod-kod amalan sebagai panduan untuk menghasilkan pembuatan produk dan servis bagi melindungi pengguna daripada perkara yang berbahaya (Norazla Abdul Wahab, et al., 2015). Bagi aspek penguatkuasaan halal, KKM mempunyai kuasa dalam pentadbiran yang digubal undang-undang di bawah Akta Makanan 1983, Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Akta Racun 1952 dan Peraturan Makanan 1985(Che Rosmawati Che Mohd Zaina, et al., 2015). Tindakan ini adalah untuk melindungi pengguna dalam keselamatan makanan untuk mengawal aktiviti pengeluaran di premis atau kilang. Oleh itu, KKM memberi penekanan dalam melaksanakan penguatkuasaan terhadap undang-undang amalan keselamatan dan kesihatan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar


Jabatan Perkhidmatan Veterinar merupakan badan utama yang mengawal dan mengawasi industri ternakan dan penyembelihan. Kawalan terhadap industri ternakan dan penyembelihan ini adalah bertujuan mengawal risiko atau penyakit ternakan bagi memastikan keselamatan

makanan yang berasal dari haiwan adalah terjamin(DVS, 2010). Sekiranya ternakan tersebut didapati mempunyai penyakit yang boleh menjangkiti manusia, maka agensi ini melibatkan diri bagi mengawal penyakit ternakan dan memastikan keselamatan produk unggas di peringkat ladang, penyembelihan, pemprosesan sehingga pengguna (Husna Hashim et.al, 2019). Pusat ternakan atau sembelihan yang ini memohon sijil halal harus memastikan bahawa syarikat mereka mempunyai surat perakuan atau sijil pemeriksaan veterinar yang telah disahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Syarikat yang didapati tidak mempunyai sijil ini, boleh menyebabkan permohonan halal mereka ditolak (MPPHM, 2020). Di bawah peruntukan untuk pelaksanaan penguatkuasaan, penguatkuasa ini boleh menggunakan akta yang berkaitan seperti Akta Binatang 1953, Akta Perintah Haiwan (Pengimportan) 1962 dan Peraturan Haiwan (Kawalan Penyembelihan) 2009. Penguatkuasa ini memainkan peranan penting dalam pelaksanaan yang melibatkan perkara berkaitan dengan haiwan untuk menjamin kualiti haiwan yang diimport dan dieksport adalah dalam keadaan terkawal daripada penyakit yang berbahaya sehingga boleh menjangkiti manusia.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Pihak berkuasa tempatan dengan nama ringkasnya adalah PBT merupakan entiti dominan yang bertanggungjawab terhadap urusan pengguna di peringkat tempatan dalam majlis perbandaran, majlis daerah, majlis tempatan, majlis bandar dan lain-lain (Norazlina AbdulAziz, et al., 2012). Pihak Berkuasa Tempatan memainkan peranan penting dalam menguatkuasakan perakuan halal di Malaysia dengan mempromosikan faedah produk halal yang merangkumi aspek kesihatan, kebersihan, keselamatan, berkhasiat dan berkualiti (F. M., et al., 2015). Undang-undang di bawah PBT adalah Akta Pemerintah Tempatan 1976 dalam pelesenan peraturan premis makanan untuk memastikan kebersihan dan kebersihan di premis kerana premis itu harus bersih dari pencemaran (Azis, Nasir, & Awang, 2016). Pihak ini yang bertanggungjawab mengikut tempatan tersendiri seperti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Klang (MPK Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Sepang (MPSEPANG), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) (Portal Rasmi) Kerajaan Negeri Selangor 2019). Pihak berkuasa tempatan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa penguatkuasaan halal yang lain untuk menguatkuasakan kesalahan ketersediaan dalam hal berkaitan halal.

Jelas bahawa setiap pihak penguatkuasa ini mempunyai peranan dan tanggungjawab mereka untuk memastikan industri halal adalah patuh dengan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan dengan menyediakan garis panduan dan akta sebagai panduan pemain industri halal. Setiap pihak penguatkuasa merangkumi pelbagai aspek berdasarkan bidang kuasa mereka untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan. Bidang kuasa ini dijelaskan rajah 1 di bawah dengan menunjukkan bidang kuasa oleh setiap pihak penguatkuasa:



Rajah 1 Bidang kuasa penguatkuasa

Sumber: Penyelidik, 2021

OBJEKTIF

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat pelaksanaan dan amalan oleh pihak berkuasa melalui penguatkuasaan produk dan perkhidmatan halal yang dipasarkan di Malaysia.


METODOLOGI

Metodologi yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah melalui metode kualitatif. Penyelidik menggunakan kaedah temu bual berstruktur di mana terdapat protokol yang telah ditetapkan dengan menyediakan set soalan terlebih dahulu supaya dijadikan panduan semasa sesi temu bual itu berlangsung. Kaedah ini dilakukan bagi memberi penumpuan khusus bagi mendapatkan maklumat yang mendalam terhadap tajuk kajian.

Penyelidik telah menemubual informan terdiri daripada pihak penguatkuasa halal yang mempunyai pengalaman yang lama dalam bidang audit, pemantauan dan penguatkuasaan halal. Pengkaji menemubual informan secara formal, dan segala soalan adalah direka terlebih dahulu dengan teliti sebelum sesi temu bual itu bermula. Segala maklumat yang disampaikan oleh informan, ditranskrip sepenuhnya untuk memastikan tiada maklumat yang penting tertinggal.

Maklumat tersebut disusun dan dipecahkan dalam beberapa tema mengikut kesesuaian untuk menghubungkan dapatan kajian yang lebih khusus dan terperinci.

Selain daripada kaedah temu bual, penyelidik juga menggunakan penyelidikan perpustakaan di mana sorotan pembacaan dilakukan untuk mengenal pasti konsep penguatkuasaan. Data dikumpulkan dari pelbagai bahan bacaan seperti artikel jurnal, akta, dan panduan halal. Dengan menggunakan data sekunder, dapat menyokong data utama (temubual) kerana dapat memaksimumkan penemuan data dengan lebih mendalam.



Rajah 2: Metodologi Kajian

Sumber: Penyelidik, 2

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian langsung dalam pengajaran dan dokumen pelajar. Pemilihan peserta kajian adalah secara pensampelan bertujuan iaitu empat orang pelajar dan empat orang pensyarah yang terlibat dengan kursus

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penguatkuasaan yang dijalankan oleh badan autoriti adalah pihak berkuasa yang menjalankan mekanisme untuk memantau dan mengawal pematuhan halal seperti memastikan tiada isu dalam pemalsuan halal, penyalahgunaan logo halal, penyampaian halal, pembungkusan dan pelabelan halal, ekspresi halal, kebersihan premis dan salah laku yang berkaitan dengan halal. Berdasarkan sesi temubual bersama pihak berkuasa halal, terdapat beberapa perkara penting yang dapat diketengahkan oleh penyelidik dengan menyatakan perkara penting berkaitan dengan penguatkuasaan pematuhan halal di Malaysia.

Kerjasama antara pihak berkuasa

JAKIM / JAIN sebagai pihak berkuasa utama dalam industri halal mempunyai kerjasama dengan badan autoriti lain dalam pelaksanaan penguatkuasaan halal dengan KPDNHEP, KKM, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan pihak berkuasa lain. Kerjasama ini memberi kesan positif dalam aktiviti penguatkuasaan kerana secara tidak langsung JAKIM / JAIN dapat membantu agensi lain menyelesaikan kes berdasarkan bidang kuasa masing-masing. Kerjasama antara pihak berkuasa yang berkaitan dilakukan kerana JAKIM / JAIN tidak mempunyai kuasa yang cukup untuk menjalankan pendakwaan sekiranya terdapat kesalahan yang mungkin tidak berada di bawah kuasa JAKIM / JAIN. Walaupun badan ini bertanggungjawab dalam industri halal, tetapi undang-undang dan kuasa terhad dalam penguatkuasaan kerana beberapa kes di bawah kuasa pihak berkuasa lain. Kebiasaannya KPDNHEP akan melakukan penguatkuasaan dari segi teknikal, tetapi JAKIM / JAIN / MAIN dari segi Syariah dengan menawarkan kepakaran mereka untuk membantu KPDNHEP dalam menjalankan penguatkuasaan halal, sehingga keberkesanannya dapat dicapai dan dilaksanakan di bawah Akta Perihal Perdagangan (APD) 2011.

Sementara itu, kuasa KKM dalam penguatkuasaan oleh bidang kuasa di bawah Akta Makanan 1983, Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan Kebersihan Makanan 2009. JAKIM / JAIN / MAIN tidak mempunyai kuasa dalam penguatkuasaan terhadap bidang kuasa ini di bawah akta ini. Sekiranya kesalahan premis dalam perkara ini, KKM boleh mengeluarkan notis pemberitahuan 14 hari penutupan premis. Bagi pihak berkuasa tempatan, perlu dilaksanakan oleh undang-undang beberapa undang-undang yang berada di bawah Undang-Undang Pemerintah Tempatan 1976. Seterusnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di bawah undang-undang Akta Binatang 1953 (Semakan-2006) dan Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 berkaitan dengan import dan eksport daging untuk memeriksa daging halal untuk memastikan tiada jangkitan haiwan yang dieksport atau diimport di Malaysia.

Bidang kuasa yang diberikan oleh setiap badan autoriti adalah terhad dan mereka perlu berganding bahu dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan mengikut bidang kuasa yang diberikan sebagai pelengkap penguatkuasaan yang berkesan. Tidak ada badan autoriti yang mempunyai kuasa penuh dalam segala aspek kesalahan halal. Bidang kuasa yang diberikan kepada badan autoriti tersendiri, hanya penguatkuasa tersebut boleh melaksanakan dakwaan. Pihak berkuasa halal akan menjalankan mekanisme tersebut dengan menggunakan peraturan syariah dan menggunakan kaedah dan peraturan untuk mengawal salah laku pihak tidak bertanggungjawab dalam hal halal untuk memastikan pengguna sentiasa dibekalkan dengan produk dan barang yang selamat dan memenuhi standard halal.

Prosedur Penguatkuasaan Halal

a. Kaedah Penguatkuasaan Halal

Hasil kajian mendapati, terdapat dua kaedah penguatkuasaan oleh badan autoriti halal iaitu penguatkuasaan berdasarkan aduan dan penguatkuasaan berdasarkan operasi. Pertama, penguatkuasaan berdasarkan aduan dapat dilakukan apabila badan autoriti menerima aduan daripada masyarakat awam mengenai penyalahgunaan sijil halal, pemalsuan halal, bahan

makanan / produk yang meragukan atau kesalahan halal oleh syarikat pemegang Sijil Halal. Pemeriksaan pengaduan awam yang diterima akan dilakukan oleh pihak berkuasa halal. Penguatkuasaan pelaksanaan berdasarkan aduan mesti berdasarkan polisi badan autoriti yang ditetapkan bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan pihak berkuasa halal masing-masing sama ada JAKIM / JAIN / MAIN.

Kedua, penguatkuasaan berdasarkan operasi yang dijalankan oleh pihak berkuasa halal adalah penguatkuasaan bersama dengan pihak berkuasa tunggal atau kerjasama pihak berkuasa yang lain. Penguatkuasaan berdasarkan operasi dibahagikan kepada dua (2) iaitu pemantauan pemeriksaan dan penguatkuasaan susulan. Ini adalah proses pemeriksaan berterusan, pengaturan dan terancang ke atas pemegang Sijil Halal memastikan mereka mengikut garis panduan dan syarat yang ditetapkan tidak mengira sektor produk makanan dan minuman, premis makanan, rumah penyembelihan, logistik, kosmetik, farmasi, produk gunaan. Ini bertujuan untuk memastikan setiap sektor mengikut standard piawaian halal yang ditetapkan. Bagi pemantauan pemeriksaan adalah bahagian penguatkuasaan secara langsung yang berkaitan dengan perakuan halal. Kaedah pemeriksaan akan mengawal keadaan halal di pasaran kepada pemain industri dalam mengeluarkan produk dan servis halal.

b. Pensampelan

Dalam pemantauan dan penguatkuasaan, pegawai akan memasuki premis dan mengambil sampel produk, bahan mentah atau produk yang mempunyai keraguan terhadap status halal untuk dijadikan sebagai bukti di peringkat pendakwaan. Pegawai yang diberi kuasa dalam aktiviti pengambilan sampel akan dilantik oleh ketua pemeriksa. Sampel produk, bahan pembungkusan, label hendaklah diambil untuk tujuan pemeriksaan terhadap sampel tersebut. Sekiranya pensampelan didapati tidak praktikal kerana jenis, ukuran atau jumlah barang, pihak berkuasa halal perlu memutuskan pematuhan halal berdasarkan pensampelan yang dikumpulkan semasa proses penguatkuasaan. Setelah didapati melakukan kesalahan, pihak berkuasa halal akan membuka fail kes untuk kertas siasatan. Dengan kertas siasatan, polis akan membuka kes bersama dengan laporan polis, bukti dikumpulkan dan akan dibawa untuk tindakan pendakwaan. Tribunal Tuntutan Pengguna akan memutuskan kes-kes yang layak dan tidak layak berdasarkan fail kertas siasatan yang lengkap atau tidak lengkap.

c. Proses pendakwaan

Pendakwaan adalah tertakluk bawah Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Dalam mahkamah sivil adalah melalui enakmen, undang-undang, atau ordinan yang berlaku di mahkamah Sivil yang diubah berdasarkan prinsip undang-undang Inggeris (Multazimah Rafie & Shahrul Mizan Ismail (2017). Penguatkuasaan di bawah Mahkamah Sivil dapat dilakukan oleh penguatkuasa Halal termasuk JAKIM / JAIN / MAIN terhadap orang bukan Islam yang menyalahgunakan label halal (Ab Halim & Ahmad, 2014). Kes berkaitan Halal di bawah undang-undang sivil melibatkan orang bukan Islam kerana Mahkamah sivil tidak terlibat dengan perkara agama dan tidak bertindak sebagai pesalah agama tetapi berdasarkan tindakan dan tingkah laku individu itu sendiri (Che Rosmawati Che Mohd Zaina, et al., 2015).

Manakala, pendakwaan di bawah mahkamah Syariah dilakukan bersandarkan undang-undang negara dan tidak mempunyai bidang kuasa terhadap persekutuan atau ke atas orang bukan Islam walaupun kes itu melibatkan antara masyarakat yang beragama Islam dan bukan Islam dan tindakan tidak dapat dijalankan di mahkamah ini (Hung, 2016). Pihak berkuasa halal JAKIM / JAIN / MAIN mesti menjadi saksi dalam proses perbicaraan untuk mendapatkan maklumat orang ramai dan sekiranya diserahkan kepada mahkamah Syariah hukuman di bawah akta ini rendah berbanding dengan mahkamah sivil (Yusof, 2017). Hakim akan membuat keputusan sama ada pesalah tersebut disabitkan bersalah atau tidak bergantung kepada bukti yang dikumpul semasa proses penguatkuasaan. Setelah hakim telah membuat keputusan, pihak berkuasa halal menggunakan media massa untuk memberitahu isu-isu halal bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai status pematuhan halal.

KESIMPULAN

Penguatkuasaan terhadap aktiviti halal menjadi perkara penting dalam membangunkan industri Halal sehingga menjadi pusat hab halal dunia. Penguatkuasaan halal oleh pihak berkuasa adalah mekanisme terbaik untuk mengawal masalah halal di Malaysia selain membantu pengguna dalam memberikan perlindungan kepada pengguna yang dianaya oleh individu atau organisasi yang tidak bertanggungjawab. Terdapat cadangan bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan dalam penguatkuasaan iaitu dengan menghasilkan keseragaman peraturan halal untuk menjamin integriti dan kepatuhan halal. Dengan pencapaian ini, ada perkara yang perlu diperbaiki kerana Malaysia tidak mempunyai spesifikasi mengenai Akta Halal. Malaysia belum menetapkan undang-undang halal secara khusus di mana perkara ini penting untuk menyelaraskan semua aspek halal seperti perakuan halal, panduan, pemantauan, pemeriksaan, pendakwaan dan juga penguatkuasaan.

RUJUKAN

- Ab Halim, M. A., & Ahmad, A. A. (2014). Enforcement of Consumer Protection Laws on Halal Products: Malaysian Experience. *Journal of Asian Social Science* Vol. 10, No. 3, 11. al-Mu‘jam al-Wasiṭ. 1972. al-Qāhirah: t.pt.
- Che R.C. Z., Suhaimi, A. R., Zahira, M.I., Shamrahayu, A. A (2015). Jurisdiction and prosecution of halal related matters in Malaysia: Challenges and prospects. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 172, 294-300.
- Dayang, Hamid.D.A.D., Amran. H, David. M (2017) Key challenges and issues consumer face in consuming halal product. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(11), 590-598.
- Halal, Development (2020). Halal industry master plan 2030. Malaysia: Ministry of economic affairs & Halal Development Corporation.
- Hashim, H., Saad, N. M., Khalid, H., & Laluddin, H. (2019). Halal Compliance in Poultry Industry: A Review of Regulatory System in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(12), 486–494.
- Hung, H. T. (2016). The Politics of Hudud Law Implementation Hudud. *The ISEAS Working Paper Series* No 4, 4.

- Ibrahim, A. (2019). The fundamentals of Hisbah strategic in developing of Human Civilization. Academy of Entrepreneurship Journal 25(1), 1-2.
- KPDNHEP Official Portal (2020), Functions of KPDNHEP. <https://www.kpdnhep.gov.my/en/corporate-info/functions-of-kpdnhep.html> (Retrieved 1 Jun 2021)
- JAKIM Official Portal (2016), Info CB. <http://www.halal.gov.my/v4/images/pdf/infocb2016.pdf> (Retrieved 27 September 2020).
- Manual Procedure for Malaysia Halal Certification (2020). JAKIM
- Mohd Izhar, M.K, Ahmad Muhammad., Husni (2017). Maqasid Shariah in modern biotechnology concerning food products. International Journal of Islamic Thought, 12, 27-39.
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, Harlida Abdul Wahab, Alias Azhar, Nurretina Ahmad Shariff (2016). Pelaksanaan Dan Penguatkuasaan Halal Di Malaysia. Journal of Sains Humanika Vol 8, No 4-2, 21.
- Muhammad Idris Abdul Raof al-Marbawi. 2008. Kamus Idris al-Marbawi: Arab-Melayu. t.tp: Dar al-Fikr
- Muhammad Syahir, A. B., Wan Fariza, A.W.Z, Kamaruddin Salleh (2016) Cabaran institusi hisbah dalam dunia kontemporari serta usaha-usaha bagi memperkasakannya. Jurnal Ilmi, 1(1).
- Multazimah Rafie, & Shahrul Mizan Ismail. (2017). Pemakaian prinsip undang-undang Sivil dalam penghakiman berkaitan prosiding kes di mahkamah syariah: Satu kajian Kes. International Conference on Law & Islamic Jurisprudence. Langkawi: Unviersiti Kebangsaan Malaysia
- Nor' Adha. A. H, Norazla. A.W, Farah Mohd. S, & Surianom. M. (2018). Malaysian Halal Law: Issues and Challenges. The Social Sciences 13(3), 769.
- Norazla. A. W, Farah Mohd. S, Nor A'dha, A.H, Surianom. M, Syaripah. N.S.A, Marliana. A, Norziah. O., Wawarah. S (2015). Undang-undang Halal Malaysia: Isu dan Cabaran, World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015), Indonesia.
- Sophian Rambli, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Imam Fauji, (2018). Amalan Hisbah Dan Prospek Terhadap Pengurusan Akidah Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. Journal of Islamic Educational Vol 2, No 1, 2.
- Reuters, T., & Standard, D. (2019). State of the global Islamic economy report 2018/19. Dubai: Thomson Reuters.
- Yusof, N. b. (2017). Abuse of Halal Certificate: Legal and Procedural Analysis. World Applied Sciences Journal 35 (10), 2246.